

BAB V

PENUTUP

5.1 KESIMPULAN

Setelah membahaskan disertasi ini secara menyeluruh, dapatlah diambil kesimpulan bahwa jalan keluar dari penyakit sosial dan krisis moral yang tengah melanda masyarakat masa ini adalah seperti berikut:

1. mempraktikkan metod-metod yang diguna pakai al-Qur'ān untuk menangani penyakit sosial dan krisis moral.

Seperti mana diketahui dan telah dibahaskan pada bab terdahulu bahawa al-Qur'ān mempunyai cara dan metodnya yang tersendiri dalam menangani penyakit sosial dan krisis moral. Sebagai sebuah kitab suci yang mempunyai ajaran yang universal yang sesuai untuk semua zaman dan masa serta untuk semua tempat dan keadaan, maka metod-metod yang diguna pakai al-Qur'ān untuk membendung, menangani dan mengubati penyakit sosial dan krisis moral ini amatlah tepat jika dipraktikkan pada zaman ini.

Metod-metod yang diguna pakai al-Qur'ān untuk menangani penyakit sosial dan krisis moral ini adalah merupakan *kaedah Ilahiah* yang tidak dapat dipertikai lagi hikmah, manfaat dan keupayaannya dalam mengatasi persoalan-persoalan dan permasalahan sosial yang semakin hari semakin sampai pada tahap yang membimbangkan, walaupun al-Qur'ān itu sendiri telah berumur beratus

bahkan beribu abad, akan tetapi isi kandungannya tetap relevan dan sesuai untuk diguna pakai pada masa ini dan masa-masa yang akan datang.

Untuk dapat keluar dari gejala penyakit sosial dan krisis moral yang semakin bermaharajalela pada hari ini, maka metod-metod yang terkandung di dalam al- Qur'ān mestilah dipraktikkan agar permasalahan ini tidak semakin berpanjangan. Ianya amatlah sesuai untuk dilaksanakan oleh sesiapa juga tidak kira usia, pangkat, kedudukan dan jawatan, asalkan sama-sama mempunyai keinginan untuk menghapuskan segala bentuk penyakit sosial dan krisis moral. Tidak kira ianya ibubapa, guru, masyarakat, kerajaan, ulama, pihak berwajib, pihak media atau sesiapa pun jua yang merupakan komponen dalam masyarakat.

Metod-metod ini amat sederhana dan praktikal akan tetapi ianya sangat ampuh dan mempunyai kekuatan untuk membanteras dan menghapuskan gejala penyakit sosial dan krisis moral jika dibandingkan dengan teori-teori yang dikemukakan oleh manusia. Semua orang dapat mempraktikkannya kerana tiada apa yang sukar untuk merialisasikannya asalkan mempunyai tekad yang bulat untuk menghapuskan permasalahan sosial dan krisis moral.

2. Kembali kepada al-Qur'ān, mempelajari isi kandungannya dan mengamalkannya.

Ramai orang yang tidak tahu punca penyakit sosial dan krisis moral masyarakat dunia pada hari ini. Seorang yang bergelar doktor, intelek, ahli falsafah atau pemimpin sekalipun jika tidak tahu punca masalah ini, tidak akan berjaya mengobatinya. Tetapi inilah fenomena yang berlaku saat ini. Tanpa mengetahui puncanya ramai ahli falsafah, intelek dan sebagainya mengemukakan teori

masing-masing untuk menyelesaikan masalah ini. Tetapi masalah yang ada tidak selesai, masalah yang baru pula timbul.

Tokoh-tokoh sama ada daripada kaum kapitalis, sosialis, ataupun komunis telah mengemukakan berbagai-bagai teori yang merangkumi bidang ekonomi, sosial, sains dan sebagainya untuk memberikan ketenangan dalam hidup, menghindari gejala sosial dan krisis moral dalam kehidupan. Tetapi teori dan pandangan mereka hanya berlegar-legar di sekitar kepuasan *akliah*, materi, *hedonisme*, dan seks. Malangnya teori mereka ini sudah membentuk satu jaringan *maknawi* atau tersembunyi yang menawan majoriti manusia di dunia termasuklah umat Islam. Racun sudah dianggap ubat, kerana manusia tidak tahu kenapa mereka ditimpa penyakit dan punca penyakit tersebut.

Dalam kekeliruan tersebut muncullah doktor-doktor palsu yang membawa teori-teori yang menakjubkan bagi manusia yang tiada mempunyai pegangan dan petunjuk hidup. Ke tangan merekalah diserahkan urusan umat, akibatnya teori-teori mereka menyesatkan dan lebih menjerumuskan lagi manusia ke dalam jurang kesesatan. Umat manusia saat ini semakin resah dengan pelbagai gejala sosial dan keruntuhan akhlak yang berlaku di dalam kehidupan mereka, dan mereka tidak menemukan ubatnya.

Islam sebagai suatu sistem sosial datang untuk seluruh umat manusia, bukan untuk satu bangsa dan mengenyepikan bangsa yang lain. Bukan pula untuk satu golongan dan mengenyepikan golongan yang lain. Islam datang sebagai sebuah risalah yang universal untuk semua umat manusia untuk menegakkan keadilan dan ketentraman di tengah-tengah mereka.

Sebagai sebuah agama yang universal, yang mengandung ajaran-ajaran dasar yang berlaku untuk semua tempat dan untuk segala zaman, maka ajaran-ajaran dasar yang bersifat universal, absolut dan mutlak benar ini kekal serta tidak berubah dan tidak boleh diubah terkumpul di dalam al-Qur'an yang menjadi pegangan umat Islam. Hal ini dinyatakan oleh Allah SWT di dalam al-Qur'an Surah *al-Hijr* ayat 9 :

إِنَّا نَحْنُ نَزَّلْنَا الذِّكْرَ وَإِنَّا لَهُ لَحَافِظُونَ (٩)

Ertinya: Sesungguhnya Kami yang menurunkan al-Qur'ān dan Kamilah yang akan memeliharanya.

Terjemahan Surah al-Hijr(15):9

Isi kandungan al-Qur'ān menyentuh semua aspek kehidupan manusia sama ada di dunia dan di akhirat, aspek ibadah, akhlak dan muamalah. Semua persoalan yang menyentuh kehidupan manusia diatur dan segala penyakitnya diubati oleh al- Qur'ān Matlamat al-Qur'ān adalah untuk menjadikan manusia yang unggul akhlaknya, mempunyai perasaan yang murni, pergaulan dan tingkah lakunya adalah bersih. Al-Qur'ān telah membawa sistem yang sempurna yang mengandungi prinsip serta metodologi yang menjadi pergantungan dunia ini. Begitu juga ia membawa asas-asas serta dasar-dasar yang menjamin kehidupan manusia dan melindunginya.

Dalam menghadapi berbagai-bagai penyakit sosial dan keruntuhan akhlak serta moral kebelakangan ini, maka orang semakin sedar bahawa zaman moden dengan segala kemajuannya tidak dapat melahirkan rasa aman dan tentram atau paling tidak, ramai di kalangan masyarakat moden hari ini yang merasa bahawa

ada sesuatu yang hilang dari dalam diri mereka, jiwa mereka terasa kosong dan hampa.

Apa yang sepatutnya dilakukan adalah kembali kepada al-Qur'ān. Ianya merupakan sumber rujukan yang utama yang menempati posisi sentral bagi seluruh permasalahan, dan ubat penawar terhadap pelbagai jenis penyakit, termasuklah penyakit sosial dan krisis moral yang tengah bermaharajalela.

Dalam membendung dan mengubati penyakit sosial dan krisis moral ini al-Qur'ān mempunyai metodenya yang tersendiri seperti yang telah diperbahaskan di dalam bab-bab yang terdahulu. Metod-metod yang diguna pakai oleh al-Qur'ān dalam membendung dan mengubati penyakit sosial dan krisis moral membuktikan bahawa al-Qur'ān adalah penegah sebelum berlakunya penyakit sosial dan krisis moral tersebut serta ubat selepas berlakunya. Al-Qur'ān disamping menjadi *Huda* (petunjuk), juga *bayyināt min al-huda* (penjelasan bagi petunjuk-petunjuk tersebut) serta menjadi *furqān* (tolak ukur pemisah antara yang benar dan yang salah).

Terdapat tiga komponen penting yang mesti dilaksanakan apabila kita benar-benar ingin kembali kepada al-Qur'ān, ketiga-tiga komponen tersebut adalah seperti berikut:

1. Merujuk al-Qur'ān sebagai panduan hidup
2. Menerapkan ajaran al-Qur'ān di dalam kehidupan nyata
3. Mempelajari al-Qur'ān untuk diamalkan.

Dengan melaksanakan ketiga-tiga komponen diatas, maka manusia tidak sesat di dalam kehidupan ini, seperti mana sabda Rasulullah saw :

تركت فيكم أمرين فإئن تماسكتم بهما لن تضلّ أبدا كتاب الله وسنتي

Ertinya: Telah aku tinggalkan dua perkara, apabila kamu berpegang teguh kepadanya maka nescaya kamu tidak akan sesat, iaitu al-Qur'an dan Sunnah.¹

Ketiga-tiga komponen ini tidak dapat dipisah-pisahkan. Dengan melaksanakan ketiga-tiga komponen tersebut barulah kita dapat mengetahui isi kandungan al-Qur'an dengan sempurna.

Di dalam al-Qur'an terdapat berbagai-bagai metodologi yang dapat diterapkan manusia di dalam kehidupannya sama ada metodologi pendidikan dan pengajaran, dakwah serta metodologi menangani gejala sosial. Semua metodologi ini termasuklah metodologi yang diguna pakai al-Qur'an untuk membendung dan mengubati penyakit sosial dan krisis moral yang menjadi fokus penulisan ini tidak akan dapat diketahui apabila kita belum benar-benar mempelajari al-Qur'an. Metodologi tersebut juga tidak akan berkesan apabila kita sudah mempelajari al-Qur'an tetapi belum mengamalkan apa yang terkandung di dalamnya.

Apa yang perlu dilakukan sekarang adalah kembali kepada al-Qur'an dengan cara merujuk kepada al-Qur'an apa jua masalah yang dihadapi, kemudian mempelajarinya dan mengamalkannya dalam kehidupan nyata.

¹ Anas Bin Mālik (1985). al-Muwatta'. Kitab al-Qadr Bāb al-Nahy 'an al-Qaul... No Hadith 3 Beirut. Dār al-Ihyā al-Turath al-'Arabi.

3. Membentuk keluarga dan masyarakat ideal

Menurut ajaran Islam, pembinaan sesebuah keluarga dan rumahtangga sangatlah penting, kerana ia mempunyai implikasi dan hubungan yang langsung dengan pembangunan masyarakat dan umat manusia, pembentukan rupa suatu bangsa dan negara.

Keluarga yang sejahtera dan kukuh akan melahirkan masyarakat dan negara yang aman, makmur dan teguh. Tetapi sekiranya keluarga itu kucar-kacir dan runtuh, maka masyarakat dan negara akan turut sama kucar-kacir dan runtuh, kerana keluarga adalah satu bentuk institusi masyarakat yang paling kecil.

Pembinaan sesebuah keluarga yang ideal dan kukuh amat bergantung kepada peranan yang dimainkan oleh ibubapa. Ibubapa mestilah menanamkan sifa-sifat dan akhlak mulia kepada anak-anak mereka sejak awal lagi. Sedari kecil lagi anak-nak mestilah didedahkan kepada hukum dan syariat Allah, juga dikenalkan dengan al- Qur'ān, sehingga ketika anak-anak tersebut melangkah keluar dari rumah meninggalkan keluarganya, ia sudah mempunyai bekal iman, ilmu dan akhlak mulia yang dapat membentengi dirinya dari segala perbuatan-perbuatan yang bercanggah dengan syariat Allah SWT.

Adalah merupakan tanggungjawab Ibubapa untuk mendidik dan memastikan anak-anak mereka tidak terdedah kepada perbuatan-perbuatan yang melanggar syariat, kerana anak adalah merupakan amanah daripada Allah SWT yang mesti dipertanggungjawabkan di akhirat nanti. Masyarakat ideal juga akan terbentuk apabila semua komponen yang terdapat di dalam sesebuah masyarakat

tersebut berganding bahu untuk memastikan masyarakat dan lingkungan mereka tidak terdedah kepada penyakit sosial dan gejala krisis moral.

Semua komponen masyarakat tersebut termasuklah keluarga, guru, ulama, pihak berkuasa serta kerajaan/pemerintah. Apabila semua komponen masyarakat tersebut bersifat amanah dan menjalankan semua tanggungjawab mereka dengan saksama, maka akan terbentuklah sebuah masyarakat yang ideal yang terbebas dari segala bentuk penyakit sosial dan krisis moral.

5.2 Saranan

Untuk merialisasikan masyarakat terbebas dari gejala penyakit sosial dan krisis moral, beberapa komponen masyarakat yang sangat diharapkan menjalankan peranan aktifnya adalah seperti berikut:

1. Peranan Ibubapa dan Keluarga

Mempunyai sebuah keluarga yang harmoni dan sejahtera adalah suatu perkara yang sangat diimpi-impikan oleh setiap individu. Pembinaan sebuah keluarga yang kukuh amat bergantung kepada peranan yang dijalankan oleh Ibubapa, kerana Ibubapa adalah pentadbir sebuah rumahtangga dan keluarga.

Ibubapa sentiasa dianjurkan oleh Islam agar memupuk sifat kasih sayang mereka kepada anak. Ibubapa perlu mengasuh anak-anak mereka dengan sifat jujur, ikhlas, sabar dan sifat-sifat *mahmudah* lainnya seperti mana yang diajarkan oleh Islam

Dalam konteks ini, di antara kewajiban dan peranan yang mesti dilaksanakan oleh ibubapa untuk memastikan anak-anak mereka tidak terdedah kepada gejala sosial dan krisis moral adalah seperti berikut:

- i. Memberi kasih sayang dan memenuhi keperluan hidup mereka dengan secukupnya.
- ii. Menjadikan diri mereka role model kepada anak-anak dalam sikap berlemah-lembut, kasih sayang, saling hormat menghormati dan sebagainya.
- iii. Menyediakan kemudahan-kemudahan lain selain daripada keperluan asas sekadar yang termampu.
- iv. Mengutamakan asas pendidikan agama yang sempurna agar anak-anak mereka menjadi insan yang patuh kepada perintah Allah SWT serta menghayati nilai-nilai yang murni.
- v. Mengamalkan sikap terbuka dalam menangani kesalahan anak-anak agar perasaan dan hati mereka tidak disakiti.

Apabila kewajiban dan peranan ini sempurna dilaksanakan, maka kecenderungan mereka untuk melakukan perkara-perkara yang mengarah kepada gejala sosial, jenayah dan keruntuhan akhlak turut berkurangan, kerana seorang anak yang berjaya dididik dengan akidah, ibadah, akhlak dan ilmu pengetahuan sudah pasti akan menjadi seorang insan yang saleh.

Tegasnya, seperti mana anak-anak itu berhak mendapat penjagaan fizikal berupa bahan-bahan makanan yang diperlukan, mereka juga berhak mendapat didikan memenuhi keperluan rohani. Dan kita dapati agama Islam telahpun meletakkan tugas memberi didikan dan pelajaran sebagai tugas utama dan wajib bersamaan dengan tugas memenuhi tuntutan dan keperluan fizikal.

Akan tetapi kita dapati ramai ibubapa kini terlalu bersikap materialistik, mereka lebih mengutamakan pelajaran yang ada nilai komersilnya pada anak-anak mereka. Mereka sanggup menghabiskan duit yang banyak untuk menghantarkan anak-anak mereka ke kelas bimbingan atau tuisyen. Ini tidaklah salah, tetapi janganlah sampai mengabaikan pelajaran *fardhu 'ain* mereka.

Sebahagian ibubapa lebih menggalakkan anak-anak mereka mengisi masa lapang dengan belajar ballet, piano, menyanyi dan menari sejak mereka kecil lagi. Padahal pada masa itu anak-anak tersebut belum kenal lagi dengan al-Qur'ān dan belum boleh lagi membacanya. Pendidikan agama yang mereka dapat setakat yang diajarkan oleh guru di sekolah. Dengan keadaan seperti ini tidak mustahillah jika anak-anak mereka membesar dalam keadaan jahil tentang Islam. Jahil tentang hukum-hukum dan syariat Islam. Tidak kenal Allah, Rasul dan Hari Akhir. Anak-anak tersebut setakat tahu saja kewujudan Allah, Rasulullah dan Hari Akhir dari apa yang diajarkan oleh guru mereka di sekolah. Namun untuk mempraktikkan ibadah kepada Allah, mempelajari al-Qur'ān dan hukum-hukum Allah tidak sama sekali. Jika hal ini berlaku, anak-anak tersebut tidak dapat disalahkan sekiranya timbul pelbagai krisis moral dan gejala sosial di kalangan anak-anak ini di belakng hari.

Kalaupun ada ibubapa yang menghantar anak-anak mereka ke sekolah agama atau belajar agama tetapi anak-anak tersebut tidak mendapat bimbingan yang seterusnya dari ibubapa mereka di rumah. Contohnya di sekolah mereka diajar bahawa seseorang Islam itu mesti menutup aurat dan mengerjakan shalat lima waktu. Tetapi di rumah mereka melihat ayah dan ibu mereka tidak

mempraktikkannya. Maka ilmu yang mereka dapat di sekolah agama akan menjadi sia-sia belaka.

Demikianlah pentingnya peranan ibubapa dalam membentuk kepribadian dan *syakhsiah* anak, juga membekalkan keimanan kepada mereka. Ibubapa mestilah menjadi contoh tauladan yang baik bagi anak-anak mereka. Jika peranan dan tanggungjawab ibubapa dilaksanakan dengan amanah dan benar, maka risiko anak-anak akan terdedah kepada krisis moral dan penyakit sosial akan berkurangan.

2. Peranan Guru.

Peranan yang dijalankan oleh guru juga sangat besar pengaruhnya dalam membentuk kepribadian, akhlak dan tingkah laku anak. Kerana guru adalah orangtua kedua bagi murid-muridnya setelah ibubapa mereka di rumah. Malah sesetengah anak lebih takut dan lebih patuh kepada arahan guru mereka daripada ibubapa mereka sendiri.

Akan tetapi fenomena yang berlaku saat ini, sesetengah guru tidak menjalankan peranannya dengan berkesan. Kebanyakan mereka bertugas kerana mengharap gaji sahaja. Tugas mereka sebagai guru hanya berkisar di sekitar akademik saja, sedangkan moral, akhlak dan tingkah laku murid-murid tidak mereka ambil perhatian. Katalah mereka mengajar bidang matematik, sains atau lain-lain, maka bidang itu sajalah yang menjadi tumpuan mereka. Soal-soal lain tidak diambil perhatian. Lebih malang lagi, ada sesetengah guru menunjukkan akhlak yang buruk di depan murid-muridnya.

Sepatutnya guru menjadi teladan kepada murid-muridnya. Mereka sepatutnya menganggap murid-murid itu sebagai anak-anak mereka sendiri. Sebarang masalah pribadi murid-murid hendaklah cuba didekati dan difahami serta diberi penyelesaian menurut Islam. Murid-murid tersebut sepatutnya diberi pendedahan tentang hakikat hidup manusia di dunia ini yang penuh dengan pelbagai cabaran, hanya iman dan taqwa yang dapat menjadi penyelamat.

Di zaman yang penuh dengan pelbagai cabaran ini, anak-anak lebih terdedah kepada pelbagai kegiatan yang mengarah kepada keruntuhan akhlak dan gejala sosial. Kerana itu guru-guru pada zaman ini mesti lebih peka dengan keadaan murid-murid mereka. Guru-guru sepatutnya tampil memberi bimbingan dan tunjuk ajar, tidaklah mengharap kepada guru kaunseling sahaja untuk menjalankan tugas ini. Guru-guru mestilah bertugas dengan penuh dedikasi, sabar menghadapi karenah dan ragam murid-muridnya. Memanglah tugas ini berat, tetapi amatlah mulia. Tugas mereka amat besar dan berat, kerana di tangan merekalah akan terbentuk generasi pelapis yang akan menentukan corak negeri ini.

Apabila guru menjalankan peranannya dengan baik dan penuh rasa tanggung jawab, maka risiko murid-muridnya terdedah kepada gejala-gejala keruntuhan akhlak dan penyakit sosial juga akan berkurangan.

3. Peranan Kerajaan / Pemerintah.

Pihak kerajaan / pemerintah juga mempunyai peranan yang penting untuk membendung gejala krisis moral dan penyakit sosial yang semakin hari semakin bermaharajalela. Sebagai pihak yang mempunyai wewenang dan kuasa, mereka mesti mempunyai keazaman untuk mengurangkan permasalahan sosial yang semakin berleluasa dewasa ini.

Di samping itu, kerajaan juga perlu menyediakan peluang memenuhi masa lapang kepada kaum muda dan remaja menerusi pelbagai aktiviti sukan dan kerja yang berfaedah, iaitu dengan memperbanyakkan persatuan-persatuan belia (sama ada sukan ataupun akademik), badan-badan kebajikan sukarela, kem-kem bina insan, koperasi-koperasi dan sebagainya di serata kawasan strategik, terutamanya di kawasan-kawasan yang tinggi bilangan remajanya.

Pelbagai aktiviti yang diadakan tersebut sama ada berbentuk sukan, akademik, kemahiran hidup, pengurusan perniagaan, kewangan dan sebagainya. Program hendaklah disusun dengan teratur dan dirancang perlaksanaanya dengan rapi agar tercapai matlamat yang berfaedah untuk masa depan ahlinya. Dengan kerana itu amat perlu kepada pengendalian pakar-pakar tertentu dalam bidang-bidang yang dirancang.

Pusat-pusat latihan kemahiran perlu diwujudkan untuk memberi bimbingan kepada remaja dengan pelbagai kemahiran kerja agar dengan itu akan mempermudah mereka mendapat pekerjaan sama ada di sektor kerajaan atau swasta. Dalam membangunkan kesedaran para remaja, kem bina insan, kursus-kursus motivasi dan kounseling perlu diperbanyakkan. Diharapkan dengan

kesemua program, aktiviti dan projek tersebut mereka yang melepak dan menganggur akan berkurangan, walaupun tidak terhapus. Dengan itu juga kadar jenayah, keruntuhan akhlak dan penyakit sosial di kalangan remaja akan turut sama menurun. Kemudiannya juga, pihak kerajaan / pemerintah mestilah merancang dan melaksanakan sesuatu program pendidikan secara *komprehensif* yang mencakupi kesemua sektor kehidupan masyarakat.

Pada masa ini, dunia pendidikan terpisah daripada agama, pendidikan sekular dan liberal yang ada kini telah membatasi beberapa tindak-tanduk manusia. Ianya telah menyempitkan bidang ilmu pengetahuan. Ianya tidak dapat memberi manfaat untuk membina pribadi manusia dan tamadunya. Sistem pendidikan yang ada sekarang telah mengetepikan nilai-nilai akhlak, membuatkan mereka sanggup melakukan sesuatu untuk “*survival*” tanpa mengira norma-norma masyarakat. Inilah sebenarnya punca berleluasanya kelakuan-kelakuan yang merupakan tanda-tanda keruntuhan akhlak.

Kalau kita perhatikan dengan bersungguh-sungguh, sistem pendidikan Islam adalah yang terunggul, metod-metod pendidikan Islam terkandung di dalam al- Qur’ān. Sistem pendidikan Islam menghargai peradaban manusia yang tinggi dan menghormati nilai-nilai kemanusiaan sejagat. Sistem yang dapat membentuk kepatuhan manusia kepada Allah SWT. Sistem sekular telah memisahkan ilmu dunia dan ilmu agama. Pemisahan ini menyebabkan para intelek yang diharapkan sukar untuk ditemui. Hasilnya, hanya masyarakat yang kacau bilau, terumbang-ambing tanpa pegangan yang kukuh.

Manakala konsep pendidikan Islam merupakan konsep yang mengintegrasikan antara jasad dan roh. Sekaligus bertindak sebagai pendidik akhlak, jiwa, kesopanan dan kesusilaan. Wujudnya kerosakan moral secara berleluasa seperti fitnah, pembunuhan, zina, dadah, rogol dan sebagainya adalah berpunca dari didikan yang tidak memenuhi keperluan batin.

Dan yang terlebih penting sebelum kerajaan / pemerintah melaksanakan peranannya ini adalah memastikan bahawa akhlak, perbuatan dan tingkah laku orang-orang yang berada di dalam kerajaan adalah bersih dan mempunyai akhlak yang terpuji. Hal ini adalah penting, kerana mereka adalah "*public figure*" yang mesti memberi contoh tauladan yang baik bagi masyarakat yang dipimpinnya.

4. Peranan Ulama dan Masyarakat.

Ulama dan masyarakat juga mempunyai peranan yang besar dalam membentuk sesebuah masyarakat ideal dan menghindarkannya daripada pelbagai penyakit sosial dan krisis moral. Ulama adalah merupakan orang yang dihormati dan dituakan di dalam masyarakat. Ulama mempunyai potensi yang besar untuk mengajak, menasihati dan menyeru masyarakat ke arah kebaikan. Sebagai orang yang lebih tahu dan lebih mengerti tentang hukum dan syariat Allah SWT, serta lebih mendalami al- Qur'an. Para ulama sepatutnya mempraktikkan metodologi yang diguna pakai al- Qur'an dalam menangani penyakit sosial dan krisis moral. Para ulamalah yang sepatutnya memperkenalkan kepada masyarakat metod-metod yang diguna pakai al- Qur'an untuk membendung gejala penyakit sosial dan krisis moral sebelum berlaku dan mengubah selepas berlakunya.

Para ulama hendaklah turun dari kerusi dan meja syarahan mereka dan bergaul dengan masyarakat dan muda-mudinya untuk mengenali masalah mereka, mendengarkan keluhan dan rintihan hati serta bersedia memberi penyelesaian kepada setiap masalah mereka sebagaimana kehendak Islam.

Mereka janganlah membatasi kuliah ilmu agama di sekitar masjid, majlis syarahan yang ramai atau seminar sahaja, kerana orang-orang yang terlibat dengan pelbagai kegiatan maksiat, gejala sosial dan krisis moral tidak mungkin akan menjejaskan kaki mereka ke masjid, majlis syarahan atau seminar. Mungkin sebenarnya ramai di antara mereka yang ingin kembali ke pangkal jalan, tetapi tidak tahu kepada siapa mereka mesti mengadu.

Pada zaman kini, ulama mesti lebih peka terhadap lingkungan sekeliling dan mesti lebih menjaga tingkah laku mereka. Para ulama mesti menjadi suri tauladan barulah kata-kata dan nasihatnya akan didengarkan oleh masyarakat. Selain daripada ulama masyarakat juga mempunyai peranan besar untuk memastikan lingkungan mereka tidak terdedah dengan pelbagai kegiatan maksiat, penyakit sosial dan aktiviti-aktiviti yang mengarah kepada keruntuhan akhlak.

Setiap individu di dalam masyarakat mesti mempunyai rasa tanggungjawab dan prihatin terhadap saudaranya yang lain. Aktiviti-aktiviti sosial di dalam mesti lebih giat lagi dilaksanakan untuk memupuk rasa persaudaraan dan *ukhuwah* di antara mereka.

Apabila rasa persaudaraan dan *ukhuwah* sudah tertanam di dalam hati setiap individu di dalam masyarakat, maka mereka akan selalu tergerak hatinya

untuk menolong saudaranya yang lain yang tengah berada dalam kesusahan. Dan mereka juga tidak akan membiarkan perkara-perkara negatif yang akan merosak lingkungan dan masyarakat berlaku di sekitar mereka. Sifat saling tolong menolong satu sama lain ini telahpun dianjurkan di dalam al-Qur'an Surah al-Maidah ayat 2 :

وَتَعَاوَنُوا عَلَى الْبِرِّ وَالتَّقْوَىٰ وَلَا تَعَاوَنُوا عَلَى الْإِثْمِ وَالْعُدْوَانِ وَاتَّقُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ

شَدِيدُ الْعِقَابِ (٢)

Ertinya : Dan hendaklah kamu bertolong-tolongan untuk membuat kebajikan dan bertaqwa, dan janganlah kamu bertolong-tolongan pada melakukan dosa (maksiat) dan pencerobohan. Dan bertaqwalah kepada Allah, kerana sesungguhnya Allah maha berat azab dan siksaNya (bagi sesiapa yang melanggar perintahNya).

Terjemahan Surah al-Mā'idah(5):2

Jika masyarakat sudah mengamalkan apa yang terkandung di dalam ayat ini dan menjalankan apa yang diperintahkan serta meninggalkan apa yang menjadi larangan, maka setiap individu dalam masyarakat ini akan sentiasa berusaha untuk saling tolong menolong pada sesuatu yang akan membawa kebaikan dalam kehidupan bermasyarakat. Mereka akan tolong menolong untuk memastikan gejala-gejala sosial dan krisis moral tidak akan merosakkan lingkungan kehidupan mereka.

Usaha sama di antara ulama dan masyarakat amat membantu untuk mencapai matlamat masyarakat yang bebas daripada pelbagai kegiatan maksiat dan keruntuhan akhlak.

5. Peranan Pihak Berwajib (Polis dan Penguatkuasa).

Pihak berwajib juga mempunyai peranan yang sangat besar di dalam memastikan penyakit sosial, krisis moral dan kegiatan maksiat tidak berleluasa. Mereka mesti mendekati masyarakat dengan cara yang berhemah. Melalui pergaulan yang baik ianya akan memberikan kepercayaan masyarakat untuk memberikan kerjasama kepada mereka untuk membanteras gejala penyakit sosial dan krisis moral. Mereka mestilah memposisikan diri mereka sebagai sahabat masyarakat, bukannya sebagai golongan yang digeruni untuk didekati.

Sebarang masalah sosial yang timbul di dalam masyarakat perlulah ditangani dengan cara yang tepat. Mereka sepatutnya menggunakan kaedah mendidik daripada menghukum tanpa mengambil tahu latar belakang dan akar permasalahan. Dalam menguatkuasakan undang-undang pula mereka tidak boleh pandang bulu dan membeza-bezakan masyarakat dari segi pangkat, harta dan taraf hidup mereka, kerana masyarakat mempunyai taraf yang sama di mata undang-undang. Seperti mana undang-undang dikuatkuasakan keatas orang-orang kebanyakan, begitu pulalah penguatkuasaannya keatas orang-orang kaya dan berpangkat. Dan dalam penguatkuasaan undang-undang ini mereka mestilah menghindarkan diri dari rasuah.

Pihak yang berwajib ini juga mesti menjaga akhlak, tingkah laku dan perbuatan mereka. Mereka mestilah menjadi contoh teladan masyarakat. Dengan mempunyai akhlak, perbuatan dan tingkah laku yang baik barulah mereka dapat memberikan tindakan dan membanteras gejala penyakit sosial dan krisis moral.

Demikianlah beberapa kesimpulan dan saranan-saranan yang mampu diketengahkan oleh penulis. Semoga ianya memberi manfaat kepada para pembaca serta menjadi renungan atau titik tolak kepada kita semua untuk membawa kembali umat Islam kepada sumber kekuatan dan kebahagiaan mereka yang hakiki iaitu al- Qur'ān dan Sunnah Rasulullah SAW. Wallahu'Alam